

02/05/1997

BSKL enggan campuri kuasa pasaran

Kadir Dikoh

PIHAK pengurusan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak akan campur tangan untuk membendung aliran kenaikan saham syarikat yang baru diapungkan berikutan spekulasi berlebihan, kata Presidennya Datuk Salleh Majid.

Sebaliknya, kata beliau, BSKL yang tidak mahu mencampuri kuasa pasaran bagi mengelak sangkaan buruk, akan mengambil tindakan untuk membuat aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) jika wujud kegiatan manipulasi.

Katanya, kenaikan melambung saham sesetengah syarikat yang baru disenaraikan sejak kebelakangan ini tidak menggambarkan kedudukan asas sebenar firma awam itu kerana spekulasi keterlaluan.

"Ini berlaku kerana ada satu elemen iaitu "harga yang saya bersedia untuk membayar".

"Contohnya, jika harga tanah RM300 tetapi ada orang ingin membayar RM800, dia akan bayar RM800, namun kemudian dia sedar (kesilapan).

"Saya berpendapat kadangkala kita memerlukan keadaan kejutan (sedar) seperti ini untuk menyedarkan orang ramai," katanya kepada Berita Harian baru-baru ini ketika diminta mengulas mengenai isu berkenaan yang turut menarik perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Minggu lalu, Dr Mahathir berkata, spekulasi berlebihan mewujudkan suasana saham syarikat yang baru diapungkan dan mencatat lebih pada kadar sukar diterima seperti mencecah sehingga 80 kali lebih langgan.

Salleh berkata, ada garis panduan dan peraturan tertentu yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang disenaraikan tetapi jika BSKL kerap campur tangan, orang ramai akan menuduh BSKL cuba mencampuri kuasa pasaran.

"Seperti juga Bank Negara Malaysia (BNM) yang tidak campur tangan dalam (pasaran) ringgit, kita juga tidak campur tangan kecuali kita rasa ada penyelewengan dan kegiatan manipulasi berlebihan.

"Apa sahaja yang kita ketahui (manipulasi), kita serah kepada SC dari semasa ke semasa.

"Memang ada orang yang agak adventurous ... pergi ke sempadan yang tidak pernah dilakukan oleh manusia sebelum ini," katanya.

Bagaimanapun katanya, penyenaian syarikat di BSKL bagi mendapat modal dan sebagai pilihan kepada pinjaman bank.

Oleh itu kata beliau, pihaknya ingin melihat lebih banyak pelabur institusi memasuki pasaran bagi mengembalikan kestabilan harga yang kini melalui pusingan kejatuhan.

Salleh berkata, pelabur tempatan juga tidak harus terikut-ikut dari segi pemikiran dengan turun naik bursa saham di peringkat antarabangsa seperti terlalu bergantung kepada prestasi Dow Jones.

"Apabila Dow Jones menurun, (saham) kita juga turun.

"Kita mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi yang baik, syarikat yang mengeluarkan produk dan mengapa kita harus memandangkan kepada negara yang mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi rendah.

(END)